

BNM sasar 100% peralihan terminal POS

UM 10/11

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 9 NOV.**

BANK Negara Malaysia (BNM) menyasarkan 100 peratus peralihan terminal tempat jualan (POS) yang menawarkan perkhidmatan sistem 'pin dan bayar' pada akhir 2016.

Pengarah Dasar Sistem Pembayaran BNM, Tan Nyat Chuan berkata, ketika ini sebanyak 38 peratus peruncit di dalam negara telah mengguna pakai sistem berkenaan.

Katanya, sistem 'pin dan bayar' itu membolehkan pemegang kad membuat pembayaran dengan memasukkan enam digit nombor pengenalan peribadi (PIN).

Ujar beliau, sehingga kini terdapat 25 juta pemegang kad meliputi 17.8 juta kad debit dan 7.6 juta kad kredit, 45 peratus daripadanya sudah menggunakan sistem 'pin dan bayar'.

"BNM berhak untuk mengambil tindakan sekiranya terdapat bank individu yang tidak dapat mengesahkan mekanisme 'pin dan bayar' bagi kad pembayaran pada akhir tahun ini.

"Bagi mana-mana bank yang tidak melaksanakan usaha men-



TAN NYAT CHUAN (tengah) memberi taklimat kepada media mengenai peralihan kepada pembayaran berasaskan PIN di Kuala Lumpur, semalam.

cukupi, kami akan menyemak setiap bank berkenaan," katanya dalam taklimat media tentang peralihan kepada pembayaran berasaskan pin di sini hari ini.

Malaysia antara negara pertama di dunia melengkapkan peralihan untuk menerima pakai keselamatan standard cip EMV bagi kad pembayaran pada 2005.

Pemindahan untuk menerima pakai standard antarabangsa cip pada skala industri telah mengurangkan kadar penipuan

kad palsu dan meningkatkan keyakinan awam secara kolektif dalam penggunaan kad pembayaran.

Industri komited untuk melabur kira-kira RM1.1 bilion bagi tempoh 2015-2020 bagi menyokong penambahbaikan infrastruktur pembayaran kad.

Sehubungan itu orang ramai digesa untuk menggantikan kad debit dan kad kredit mereka dengan kad pembayaran berasaskan pin sebelum 1 Januari 2017.